

Welcome Remarks by **Dato Paduka Timothy Ong**, BEDB Acting Chairman at the Launching of Youth Skills Development Programme 2010/2011, Thursday 22<sup>nd</sup> July 2010

---

Salam Sejahtera. Good Morning.

Bagi pihak BEDB, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Mulia Datin Hajah Adina Bte Othman, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan kerana sudi menjadi Tetamu Kehormat pada majlis ini.

Pihak BEDB sangat komited untuk menyokong usaha pihak Datin dan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan ke arah menciptakan peluang baru untuk para belia di negara kita.

Pagi ini, kita berkumpul untuk melancarkan Program Perkembangan Kemahiran Belia bagi tahun 2010-2011.

Program ini bertujuan untuk menggalakkan semangat berdikari di kalangan para belia tempatan terutama sekali yang berasal dari latarbelakang yang kurang mampu dengan membantu mereka bagi memulakan perniagaan sendiri ataupun untuk mendapatkan pekerjaan.

Program ini dikembangkan dengan kerjasama pihak Pusat Pembangunan Belia dan dibiayai oleh Alcoa Corporation dari Amerika Syarikat.

Pihak BEDB ingin menggalakkan para belia yang telah dipilih menyertai Program bagi sesi ini untuk menggunakan peluang ini bagi memperbaiki prospek masa depan mereka.

Mungkin ramai yang tertanya-tanya, kenapa BEDB memulakan inisiatif pembangunan belia seperti ini?

Ini kerana BEDB percaya pembangunan belia adalah tanggungjawab kita bersama dan pelaburan seumpama ini adalah sangat penting bagi kejayaan sesebuah Negara.

Kami sedar belia kita adalah harapan bagi masa depan kita dan kita harus melabur untuk pembangunan mereka.

Tahun ini seramai 100 belia akan menyertai program ini. Selain dari Pusat Pembangunan Belia dan Taman Nurhidayah, peserta program juga terdiri dari lepasan Sekolah Perdagangan dan peserta penempatan kerja kelolaan Jabatan Sekolah-Sekolah di bawah Kementerian Pendidikan.

Sejak program ini dilancarkan 2 tahun lalu, sebanyak 45 Skim Bantuan Mikro Perniagaan telah dianugerahkan untuk membantu memulakan dan mengembangkan 38 perniagaan tempatan baru.

Beberapa dari penerima bantuan ini telah mampu mengubah kehidupan mereka sendiri ke tahap yang lebih baik.

Sebagai contoh ialah Dayang Hamimah dari Syarikat Tamimah yang telah memulakan perniagaan tenunannya sendiri dengan pemberian dua bantuan mikro perniagaan di bawah program ini.

Dan begitu juga dengan Dayang Nur Rasanah dari Syarikat White Roses yang bukan saja mampu membuka salon dengan rakan kongsinya tetapi juga telah mengadakan perkhidmatan perawatan kecantikan dari rumah ke rumah bagi para pelanggannya.

Contoh lain adalah Dayang Hajidah dari Syarikat Restoran dan Katering Nabil Amin Shah yang telah membuka 2 buah gerai bagi perniagaan makanannya di Belait dan Seria.

Dengan peningkatan seperti ini, kami semakin percaya yang semua orang tanpa mengenal latarbelakang keluarga mahupun pendidikan berhak untuk mendapatkan peluang untuk berjaya dalam hidup. Apa yang penting adalah mereka diberi peluang disamping mempunyai cita-cita serta keinginan untuk berjaya.

Di samping program ini, BEDB juga menjalankan skim mikro kredit dengan usahasama dengan Bank Islam Brunei Darussalam dan Program Perkembangan Kraftangan Tempatan dengan Petroleum Geo-Services dari Norway.

Bagi pihak BEDB, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan korporat kami iaitu Alcoa Inc, Bank Islam Brunei Darussalam and Petroleum Geo-Services.

Pihak BEDB juga ingin berterima kasih kepada semua pihak yang telah sama-sama menyumbang tenaga di dalam kejayaan inisiatif ini iaitu:

Pusat Pembangunan Belia, Taman Nurhidayah, Sekolah Perdagangan, Jabatan Sekolah-Sekolah, Tricor Sdn Berhad, semua fasilitator program serta para mentor;

Rakan rakan di Youth Development Resources – Dr Manaf Metussin, Ideris Ali, Tan Boon Huat, Loo Mei Tim, Sabrina Shofry, Emma Agaki dan Dina Omarali.

Akhirnya, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Datin Adina, tuan-tuan dan puan-puan semua kerana sudi hadir pada pagi ini.

Sekian Terima Kasih.